


UM 01/11/2003 - 3 PRECISE



TUANKU Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid bergambar bersama Dr. Mahathir Mohamad, Abdullah Ahmad Badawi, Endon Mahmood dan Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali selepas Istiadat Pengurniaan Suratcara Pelantikan dan Istiadat Mengangkat Sumpah Jawatan dan Taat Setia serta Sumpah Menyimpan Rahsia di Istana Negara, semalam.




TUANKU Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail mengurniakan watakah pelantikan Perdana Menteri kelima kepada Abdullah Ahmad Badawi.



GAMBAR kenangan Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail bersama Abdullah Ahmad Badawi dan Dr. Mahathir Mohamad.

ABDULLAH Ahmad Badawi menandatangani Suratcara Pelantikan sebagai Perdana Menteri di hadapan Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail.



DR. MAHATHIR Mohamad dan Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali menerima ucapan tahniah daripada Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar selepas masing-masing dikurniakan Darjah Kebesaran Persekutuan Seri Maharaja Mangku Negara (S.M.N) dan Seri Seetia Mahkota Malaysia (S.S.M) yang membawa gelaran Tun oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail di Balai Agung Seri, Istana Negara semalam.



GAMBAR KENANGAN...TUANKU Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid, Abdullah Ahmad Badawi (duduk dua dari kiri) dan isteri, Endon Mahmood (duduk kiri) serta Dr. Mahathir Mohamad (duduk dua dari kanan) dan isteri, Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali (duduk kanan) bergambar bersama-sama sebahagian daripada menteri Kabinet selepas Istiadat Pengurniaan Suratcara Pelantikan dan Istiadat Mengangkat Sumpah serta Menyimpan Rahsia sebagai Perdana Menteri di Istana Negara, semalam.